

21 MAY 2001

MT-Reaksi

KEPUTUSAN LEMBAGA DISIPLIN : ZAINOL BUAT SIDANG MEDIA ESOK

ALOR SETAR, 21 Mei (Bernama) -- Ketua Umno Bahagian Baling Datuk Zainol Mohd Isa yang didapati bersalah kerana terlibat dalam amalan politik wang pada pemilihan peringkat bahagian baru-baru ini akan memanggil sidang media esok bagi mengulas keputusan Majlis Tertinggi (MT) parti yang mengesahkan keputusan lembaga berkenaan.

Zainol yang dihubungi malam ini berkata beliau tidak dapat memberi sebarang komen buat masa sekarang.

"Saya akan mengadakan satu sidang akhbar di Pusat Khidmat Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kawasan Bayu di pekan Baling pada pukul 11.00 pagi esok," katanya.

Semasa dihubungi, Zainol berkata beliau dalam perjalanan pulang ke Baling dari Kuala Lumpur.

Pada pemilihan Umno lepas, beliau memenangi jawatan Ketua Umno Bahagian Baling dengan menewaskan penyandanganya Datuk Raja Ariffin Raja Sulaiman dengan majoriti 107 undi.

Zainol mendapat 262 undi dan Raja Ariffin 155 undi.

Ketika bercakap pada sidang berita selepas mempengerusikan mesyuarat MT di sini, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata MT telah mendengar penerangan Pengerusi Lembaga Disiplin, Tengku Ahmad Rithauddeen Ismail dan berpuas hati dengan proses yang digunakan dalam menentukan siapa yang bersalah dan siapa yang tidak bersalah.

Sementara itu, Datuk Abdullah Omar (Bahagian Muar) ketika dihubungi Bernama pula berkata beliau akur terhadap keputusan MT.

Bagaimanapun, katanya beliau akan terus menyumbang khidmatnya kepada Umno seperti yang pernah dinasihatkan oleh Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri itu pada 17 Mei lepas dilaporkan meminta Abdullah tidak bertindak keluar parti apabila dilucutkan jawatan Ketua Umno Bahagian Muar.

"Saya akan terus menyumbang kepada Umno tetapi mungkin akan kurang aktif sedikit seolah-olah bersara," katanya yang juga Timbalan Pengerusi Eksekutif KFC.

Ditanya sama ada beliau akan merayu kepada Lembaga Disiplin mengenai keputusan tersebut, Abdullah berkata: "Takdelah, mana ada ruang (untuk merayu) lagi dah."

"Dia (PM) ada cakap boleh merayu?...Takpelah, esok saya baca surat khabar," katanya.

-- BERNAMA

MNH NHA LAT